



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

**PEMENDEKAN TEMPOH PELANTIKAN
MANTAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
BERIKUTAN LAPORAN PRESTASI KEPIMPINAN**

Merujuk kepada hantaran video yang sedang tersebar di media sosial, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan ini menafikan kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Dr. Haim Hilman Abdullah, Calon Perikatan Nasional bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah N06 Jitra yang merupakan Mantan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) berkenaan pemendekan tempoh pelantikan beliau.

Pemendekan tempoh pelantikan Dr. Haim Hilman Abdullah sebagai Naib Canselor UUM adalah berikutan laporan prestasi kepimpinan beliau yang dikemukakan Lembaga Pengarah Universiti melalui surat bertarikh 16 Jun 2022. Walau bagaimanapun, sebelum keputusan pemendekan diambil, satu jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat KPT bagi meneliti dan menilai laporan yang diterima. Dalam hubungan ini, Dr. Haim Hilman Abdullah dan beberapa orang pegawai kanan UUM telah dipanggil ke KPT pada 23 dan 29 September 2022 untuk memberi keterangan bagi menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan bagi mencari kaedah penyelesaian terbaik demi kepentingan UUM.

Kementerian sentiasa tegas dan komited dalam memastikan kepimpinan universiti awam, bukan sahaja harus mempunyai kesarjanaan tetapi perlu berupaya menjadi pemimpin institusi yang bijak mengurus kepelbagai sumber dengan baik.

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
29 Julai 2023**